



**KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN**

SECRETARY GENERAL OF TREASURY

Kementerian Kewangan Malaysia

Ministry of Finance Malaysia

Kompleks Kementerian Kewangan

No. 5, Persiaran Perdana, Presint 2

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62592 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel : 603-8882 3333

Faks : 603-8882 4224

Telex : FEDTRY MA 30242

Web : www.mof.gov.my

MOF.600-40/3/3 JLD2(8)(S)

2 Ogos 2023

**Semua Ketua Setiausaha Kementerian**

**Semua Ketua Jabatan Persekutuan**

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

**BANTUAN KHAS PENGHARGAAN KEPADA INDIVIDU  
CONTRACT FOR SERVICE TAHUN 2023**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan sedia maklum, YAB Perdana Menteri melalui Majlis Peluncuran Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat telah mengumumkan Bantuan Khas Penghargaan (BKP) Penjawat Awam dan Pesara Kerajaan Tahun 2023 sebanyak RM300.00 kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana Gred 56 dan ke bawah termasuk pegawai/kakitangan lantikan kontrak. Selaras dengan keputusan tersebut, Kerajaan bersetuju untuk memanjangkan BKP Tahun 2023 sebanyak RM300.00 kepada individu *Contract For Service* (CFS) setara gred 56 dan ke bawah yang masih berkhidmat pada 10 Ogos 2023 dan telah dilantik sebelum 10 Ogos 2023 dengan syarat tempoh kontraknya telah berkuat kuasa sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut.

3. Selain itu, bagi pesara Kerajaan dan veteran yang dilantik semula secara CFS dan masih berkhidmat pada 10 Ogos 2023 layak dibayar BKP Tahun 2023 sebanyak RM300.00. Pembayaran sebanyak RM200.00 akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)/Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) dan bakinya sebanyak RM100.00 akan dibayar oleh jabatan di mana individu CFS sedang berkhidmat.

4. Individu CFS yang meninggal dunia pada 10 Ogos 2023 layak diberi BKP Tahun 2023 sebanyak RM300.00.
5. Pembayaran ini **tidak layak** diberikan kepada:
  - (i) Individu CFS yang ditamatkan kontrak perkhidmatan dalam tempoh 1 Januari 2023 hingga 10 Ogos 2023; dan
  - (ii) Individu CFS yang meletak jawatan dalam tempoh 1 Januari 2023 hingga 10 Ogos 2023.
6. BKP Tahun 2023 akan dibayar pada **10 Ogos 2023** di bawah tanggungan Kementerian/ Jabatan di mana individu CFS berkhidmat pada tarikh pembayaran.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATUK JOHAN MAHMOOD MERICAN)**